

	Subuh Syuruk Zuhur Asar Maghrib Isyak							Subuh Syuruk Zuhur Asar Maghrib Isyak							Subuh Syuruk Zuhur Asar Maghrib Isyak					
Kuala Lumpur	5:57	7:09	1:22	4:47	7:30	8:45	Johor Bahru	5:51	7:04	1:13	4:37	7:18	8:33	Kuala Terengganu	5:46	7:01	1:15	4:40	7:26	8:41
Shah Alam	5:57	7:09	1:22	4:47	7:30	8:45	Ipoh	5:57	7:08	1:24	4:49	7:34	8:49	Kota Bharu	5:49	7:03	1:19	4:44	7:31	8:42
Seremban	5:56	7:10	1:20	4:44	7:26	8:41	Pulau Pinang	5:58	7:10	1:26	4:51	7:38	8:53	Kuantan	5:51	7:05	1:16	4:41	7:23	8:38
Melaka	5:56	7:09	1:19	4:44	7:25	8:40	Alor Setar	5:56	7:08	1:26	4:51	7:39	8:55	Kangar	5:55	7:10	1:26	4:51	7:40	8:55

Risiko berlaku penularan Covid-19 secara besar-besaran akibat kepadatan penduduk

Satu rumah kongsi lebih 10 orang

Oleh RASDAN AHMAD, AHMAD SHAHERMAN SHAMSURI dan MOHAMAD NAUFAL MOHAMAD IDRIS

PETALING JAYA - Kawasan penempatan penduduk terutama di perumahan flat dan pangsapuri di sekitar Kuala Lumpur dan Selangor berpotensi untuk menjadi lubuk kepada penularan jangkitan Covid-19.

Situasi bertambah buruk apabila kebanyakan flat dan pangsapuri di kedua-dua negeri itu dikesan menjadi tumpuan warga asing yang bekerja di kilang-kilang berhampiran untuk tinggal dengan menyewa rumah.

Selain keadaan rumah yang sempit, penghuni flat dan pangsapuri juga terpaksa berkongsi kemudahan lain di bangunan berkenaan seperti lif dan tangga, sekali gus mendedahkan risiko berlakunya penularan Covid-19.

Tinjauan Kosmo! mendapati, kebanyakan perumahan flat menjadi tumpuan golongan berpendapatan rendah dan warga asing kerana kos sewanya yang agak murah.

Seorang penduduk di Program Perumahan Rakyat (PPR) Kampung Limau, Kuala Lumpur, Azrin Muhammad, 34, berkata, penempatan seumpama itu memang cukup popular dalam kalangan golongan bujang dan warga asing untuk dijadikan kediaman.

Jelasnya, untuk mendapatkan sewa murah, sebuah rumah itu akan dikongsi penghuni yang ramai sehingga melebihi 10 orang.

"Apa yang memisahkan apabila rumah yang kecil didiami oleh jumlah penghuni yang ramai.



KEPADATAN penduduk di kawasan penempatan seperti rumah flat dan pangsapuri di sekitar Kuala Lumpur serta Selangor dibimbangi menjadi tempat penularan Covid-19. - GAMBAR HIASAN

"Keadaan ini yang membimbangkan, sebab ramai warga asing bekerja di kilang dan tapak pembinaan. Saya risau, virus ini boleh merebak dengan mudah dan turut mengancam penghuni warga tempatan," jelasnya kepada Kosmo! semalam.

Bagi seorang penduduk di Flat Sri Sentul, M. Gopalan, 52, dia cukup bimbang dengan situasi berkenaan apabila banyak rumah flat telah dihuni oleh warga asing dan menjadi tempat mereka berkumpul.

"Sebagai contoh di kawasan rumah saya, setiap hujung minggu saya dapat lihat ramai individu yang tidak dikenali datang. Saya tidak tahu mereka dari mana, tetapi semuanya berkum-

pul dalam satu rumah.

"Saya bimbang mereka yang datang ini akan mencetuskan jangkitan di perumahan berkenaan. Mereka juga jarang mengikuti prosedur operasi standard (SOP) yang betul," jelasnya.

Tambahnya lagi, terdapat beberapa buah rumah yang menjadi tempat mengasuh kanak-kanak turut dikhuatiri menjadi punca penyebaran pandemik ini.

"Ibu bapa yang menghantar anak-anak mereka kebanyakannya adalah orang luar dan banyak yang bekerja di kilang. Kami risau sekiranya mereka adalah pembawa dan anak-anak mereka bergaul dengan anak-anak kami di sini," katanya.

Di Selangor, tinjauan di be-

berapa buah flat dan pangsapuri di sekitar Shah Alam dan Klang mendapati, ramai penghuni sewenang-wenangnya melanggar SOP termasuk bebas berkeliaran di kawasan sekitar.

Apa yang memeranjatkan apabila ada segelintir ibu bapa berani membenarkan anak mereka bermain di padang permainan, manakala penghuni warga asing pula gemar melepak beramai-ramai di kawasan perumahan itu.

Menurut seorang penduduk dikenali sebagai Azlee, 25, dia sendiri pernah menegur beberapa remaja yang melepak di bawah rumahnya, tetapi tidak diendahkan.

"Remaja ini memberi alasan mereka bosan, tetapi mereka

Perumahan yang dikenakan PKPD

KUALA LUMPUR

- PPR Batu Muda
- PPR Pantai Ria
- Flat Sri Sabah
- Flat Sri Angkasa
- PPR Kampung Baru Air Panas
- Flat Desa Pandan (Termasuk Baiduri & Delima)
- Flat Batu Muda
- PPR Kerinchi
- Flat Seksyen 1 Wangsa Maju
- Flat Danau Kota
- Flat Bandar Baru Sentul

SELANGOR

- Pangsapuri Mentari Court, Petaling Jaya Selatan (PJS)
- Flat Sungai Emas, Kuala Langat
- Pangsapuri Sri Ayu, Hulu Langat

tidak tahu perbuatan itu boleh menyebabkan berlakunya penyebaran Covid-19.

Sementara itu, seorang penduduk flat dikenali sebagai Shamsuddin, 35, berkata, situasi paling sukar apabila penduduk terpaksa berkongsi kemudahan seperti tangga dan lif dengan penghuni lain yang tidak diketahui status kesihatan mereka.

"Kami tiada pilihan lain kerana ini sahaja laluan yang ada untuk kami turun dan naik ke rumah. Biasanya, lif akan penuh pada waktu puncak dan ada dalam kalangan penghuni yang sanggup menggunakan tangga bagi mengelak bersentuhan," jelasnya.